

Mat Sabu: Ahli PAS boleh hadir 'Bebaskan Anwar'

MalaysiaKini.com

January 6, 2012

Abdul Rahim Sabri & Koh Jun Lin

Ahli, pemimpin dan penyokong PAS boleh menghadiri perhimpunan 'Bebaskan Anwar' pada 9 Januari ini meskipun tiada arahan bertulis daripada pemimpin atasan, kata timbalan presiden parti itu Mohamad Sabu.

NONEBeliau mengulas kenyataan bekas pesuruhjaya PAS Selangor Datuk Hasan Ali yang semalam mengeluarkan kenyataan bahawa adalah tidak sesuai mengheret rakyat menyertai perhimpunan haram itu semata-mata bagi mempertahankan isu peribadi Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hasan yang juga exco kerajaan negeri Selangor juga mengumumkan bahawa beliau tidak akan hadir pada Isnin ini.

"Itu kehendak dia. Presiden dan saya akan hadir... Setakat ini tidak ada arahan bertulis (daripada PAS Pusat).

"Kalau presiden dan timbalan presiden hadir, maknanya ahli boleh hadir," katanya ketika dihubungi Malaysiakini petang semalam.

"Ahli dan penyokong PAS, boleh mengiringi presiden dan timbalan presiden untuk mengikuti keputusan perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 9 Januari ini," kata Mohamad (atas, kanan) yang popular dengan panggilan Mat Sabu.

pkc congress in johor anwar wan azizah and hadi awangSementara itu, Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang (berserban) dilaporkan oleh Harakahdaily berkata bahawa terserah kepada ahli parti itu untuk menentukan sama ada untuk menghadiri perhimpunan aman berkenaan.

"Saya akan hadir, terserah masing-masing," katanya yang disampaikan setiausaha politiknya, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar kepada organ rasmi parti itu.

Pandangan peribadi

Hasan juga semalam turut menasihatkan mahasiswa dan pelajar khususnya yang sedang menghadapi peperiksaan dalam tempoh ini supaya tidak menghadiri perhimpunan itu.

Pemimpin PAS yang rapat dengan Umno itu juga mempersoalkan kewajaran Pesuruhjaya PAS Selangor, Dr Rani Osman yang mengarahkan ahli-ahli PAS supaya hadir dengan berkata bahawa ia adalah tidak sesuai, meskipun Abdul Hadi dan Mohamad telah mengesahkan kehadiran mereka.

azlanHasan juga mencadangkan supaya Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat atau presiden parti itu Datuk Seri Abdul Hadi Awang diangkat menjadi perdana menteri jika ketua umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim didapati bersalah pada perbicaraan kes liwatnya, Isnin ini.

Hasan secara tidak langsung menyindir ketua pembangkang itu dengan berkata apabila memilih seseorang pemimpin, selain rekod prestasi mereka dalam kerajaan dan peringkat antarabangsa, latar keluarga mereka juga perlu diberi perhatian.

Mengulas keceluparan pemimpin PAS itu, Mohamad berkata ia adalah pandangan peribadi dan bukan pendirian rasmi PAS.

"Beliau masih lagi ahli jawatankuasa PAS Pusat, beliau boleh mengemukakan (cadangan itu) dalam

mesyuarat jawatankuasa. Beliau ada saluran dalam PAS.

"Kemudian PAS akan mengemukakan cadangannya itu dalam Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat. Keputusan mesyuarat (Pakatan) adalah pandangan yang sebenar.

"Sistem kita sistem parti, bukan sistem individu," katanya.

Buta hati, buta mata

Menurut Mohamad lagi, adalah lebih baik cadangan tersebut disalurkan melalui parti daripada terus diumumkan kepada umum.

NONETindakan Hasan itu juga mengundang keberangan daripada PKR.

"Hasan Ali sudah buta hati dan buta mata. Hanya mampu mengulangi skrip Umno.

"Ketika Hasan Ali mencerca Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada masa yang sama, 5 petang tadi (semalam) YAB Tuan Guru Datuk Nik Aziz sedang meraikan Anwar di Kota Bharu," tulis timbalan presiden PKR Mohamed Azmin Ali di twitter.

Menjawab cadangan yang dikemukakan di twitter oleh Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin supaya Menteri Besar Selangor memecat Hasan, Azmin membalas "Apakah Umno bersedia menerimanya?"

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/185831>